

Analisis Wacana Hadis tentang Penjagaan Alam Sekitar

[Analysis of Hadith Discourse on Environmental Care]

(Abur Hamdi Usman)*
(Mohd Norzi Nasir)

¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 01119070551.

² Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 0175444487.

* Corresponding Author: Abur Hamdi Usman, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), aburhamdi@kuis.edu.my, 01119070551.

Keywords:

*Environment, Hadith,
Sustainable, Disaster,
Pollution.*

ABSTRACT

The whole part of the earth inhabited by the servants of Allah has been affected by pollution and human activity. The increasing human population and per capita consumption significantly constrain natural resources. Increasing urbanization, new industries, and modern agricultural practises can pollute water, air, and soil resources. Natural resources are overexploited and polluted with toxic chemicals that are feared to make it difficult for future generations to survive. If looking at the perspective of Islam, one of the proofs that Islam is very concerned about the environment is the order of the Prophet Muhammad (PBUH) to remove distractions from the path recognised as one of the branches of faith, likewise with his order to plant trees even if the apocalypse occurs tomorrow. Therefore, this article comments on the worldview of the Prophet Muhammad (PBUH) through the hadith related to his encouragement to maintain the sustainability of nature. Based on the method of literature and content analysis, the findings of the discussion through the debate of selected hadiths related to environmental care found that various hadiths emphasise the concept of preserving nature. Even the Prophet Muhammad (PBUH) also motivated his people to plant trees to change the ecosystem for the better, avoid being prone to flooding, and improve water resources and quality due to river pollution.

Kata Kunci:

*Alam Sekitar, Hadis,
Lestari, Bencana,
Pencemaran.*

ABSTRAK

Keseluruhan bahagian bumi yang didiami hamba Allah SWT ini telah terdedah oleh kesan pencemaran dan aktiviti manusia. Semakin meningkatnya populasi manusia dan penggunaan per kapita ia memberi kekangan besar terhadap sumber semula jadi. Peningkatan kawasan urbanisasi, perindustrian baharu dan amalan pertanian moden mampu mencemarkan sumber air, udara dan tanah. Sumber semula jadi tidak hanya dieksploitasi secara berlebihan, bahkan dicemari dengan bahan kimia beracun sehingga dikhuatiri menyukarkan kelangsungan hidup generasi akan datang. Jika menelusuri perspektif Islam, salah satu bukti bahawa Islam sangat menitikberatkan alam sekitar adalah perintah Rasulullah SAW untuk menyingkirkan gangguan daripada jalan

yang diiktiraf sebagai salah satu cabang keimanan. Begitu juga dengan perintah Baginda SAW untuk menanam pokok walaupun esok akan berlaku kiamat. Oleh itu, artikel ini mengulas tentang pandangan semesta (worldview) Rasulullah SAW menerusi hadis berkaitan galakan Baginda SAW untuk menjaga kelestarian alam. Berdasarkan kaedah literatur dan analisis kandungan, dapatan perbincangan melalui perbincangan hadis-hadis terpilih berkaitan penjagaan alam sekitar mendapati terdapat pelbagai hadis yang menekankan konsep melestarikan alam. Bahkan Rasulullah SAW turut memotivasikan umatnya untuk menanam pokok bunga bagi mengubah ekosistem menjadi lebih baik, mengelak daripada rawan banjir dan meningkatkan sumber dan kualiti air akibat pencemaran sungai.

Received: September 30, 2023

Accepted: October 31, 2023

Online Published: December 31, 2023

1. PENGENALAN

Pada surah Āli ‘Imrān [3] ayat 191, Allah SWT meninggikan keutamaan orang-orang yang sentiasa berzikir kepada-Nya. Mereka takjub memandang langit dan bumi lalu mencari hikmah sambil memahami bahawa itu semua tidak diciptakan secara sia-sia. Mereka mengingat azab Allah SWT serta berlindung kepada-Nya dengan rasa takut dan sedar yang muncul kerana menyaksikan kekuasaan dan kebesaran-Nya pada keseluruhan jagat raya. Perkara ini membuktikan bahawa Allah SWT tidak menciptakan alam semesta ini dengan sia-sia (Ibn Kathīr, 2016).

Alam sekitar merupakan salah satu elemen penting yang perlu dibincangkan. Sumbernya berkait rapat dengan kehidupan manusia dan semua makhluk ciptaan Allah SWT. Istilah alam sekitar merupakan istilah yang selalu digunakan untuk menggambarkan keadaan semua yang wujud di dunia. Istilah *environment* dalam bahasa Inggeris merujuk kepada setiap benda yang berada berdekatan atau di sekeliling manusia. Selain itu, ia juga membawa maksud keadaan sekeliling atau lingkungan. Berdasarkan kepada terjemahan secara literal, maka perkataan alam sekitar merujuk kepada apa sahaja yang melingkungi dan mengelilingi manusia. Namun begitu, istilah alam sekitar secara khususnya merujuk kepada fenomena fizikal. Fenomena fizikal ini termasuklah juga fenomena yang berkait dengan iklim dan cuaca (Abdul Halim & Mat Akhir, 2016).

Penjagaan alam sekitar terus menjadi penting kerana wujudnya nas yang sahih yang menekankan tentang perkara ini. Dalam surah al-Rūm [30] ayat 42 contohnya, perlu disedari bahawa kerosakan alam bukan disebabkan sistem semulajadi yang rosak. Akan tetapi ia disebabkan kepincangan dalam pengurusan alam oleh manusia sendiri yang berpunca daripada kufur nikmat dan mendustakan para Rasul (al-Qurṭubī, 2006; Ibn Kathīr, 2016). Jika menelusuri kandungan hadis Rasulullah SAW, penjagaan alam sekitar amat ditekankan oleh Baginda SAW. Buktinya ialah perintah untuk menyingkirkan gangguan daripada jalan yang dianggap sebagai salah satu cabang keimanan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : ” قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ” الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ “ .“

[Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān ‘Adad Shu‘ab al-Īmān wa Afḍalihā*, No. 54]

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Iman itu ada 70 lebih (atau 60 sekian) cabang. Iman yang paling utama adalah (ucapan) *Lā ilāha illā Allāh* dan yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan dari jalan, sedangkan malu termasuk cabang daripada iman”.

Hadis ini menunjukkan bahawa seseorang tidak boleh meremehkan sesuatu yang termasuk kebaikan yang disertai dengan niat baik. Seperti menyingkirkan cabang pohon yang menjuntai ke jalan yang akan mengganggu manusia, mengalihkan batu, atau sesuatu daripada duri, besi, atau apa sahaja yang mungkin mengganggu pengguna jalan, daripada anak kecil, orang dewasa, penunggang/pemandu ataupun pejalan kaki.

Kesemua perkara ini dimaksudkan dalam perbahasan menyingkirkan gangguan daripada jalan manusia. Malah hadis ini memberikan petunjuk dan ingatan bahawa memudahkan serta membersihkan laluan orang ramai mempunyai hubungan dengan iman. Untuk itu Allah SWT menjanjikan sikap ini dengan ganjaran Syurga, sekalipun dengan sebab amalan yang kecil. Selain itu, hadis ini juga sebagai amaran kepada sebahagian orang yang bukan sahaja enggan untuk menyingkirkan gangguan di atas jalan, malahan menambahkan lagi bentuk-bentuk gangguan itu, seperti membuang sampah merata-rata, meletakkan kenderaan di tengah jalan yang boleh mengganggu dan menghambat orang lain yang melusuri jalan tersebut, dan sebagainya. Oleh itu, terdapat keharusan untuk menebang dahan pokok yang jelas mengganggu laluan orang ramai. Namun apabila bermanfaat bagi mereka maka tidak boleh menebangnya, kerana masalah tertentu seperti untuk berteduh daripada panas terik matahari. Dengan begitu, Rasulullah SAW amat menggalakkan untuk menanam tanaman atau tumbuhan yang dapat berbuah dan bermanfaat bagi manusia (Usman, 2018).

Selain daripada itu, pengabaian atau kerosakan alam sekitar akibat tindakan manusia sudah begitu berleluasa dan merupakan punca penyebaran pelbagai penyakit kepada manusia. Pengabaian berlaku atas nama pembangunan, pemodenan dan memenuhi keperluan serta kehendak manusia. Walaupun wujud kesedaran tentang hal tersebut, namun sehingga kini manusia tidak sama sekali cuba memperlahankan tindakan mereka. Terdapat pelbagai kesan tindak-tanduk manusia terhadap alam. Ini termasuklah pencemaran, penggunaan bahan api fosil, penebangan hutan, degradasi tanah, penghasilan sisa dan banyak lagi. Semua tindakan ini telah mencetuskan pelbagai masalah, seperti perubahan iklim, hakisan tanah, kepupusan flora dan fauna, pencemaran sumber semula jadi (udara, air, tanah dan lain-lain) serta bencana alam. Akhirnya, manusia telah menerima kesan daripada kemusnahan alam ini dalam pelbagai bentuk, misalnya migrasi, kesihatan yang terjejas, persaingan untuk mendapatkan sumber air bersih, kematian dan sebagainya (Sobian, 2021).

Islam melarang sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar demi menjaga kesejahteraan umat manusia (Nasir, Nair, & Ahmed, 2021). Seterusnya, Islam mewujudkan suatu sistem supaya ia dicontohi demi kesejahteraan alam sekitar dan segala tindakan penguatkuasaan melalui statut pada hari ini adalah sangat bertepatan dengan kehendak Islam demi mencegah sebarang bentuk pencemaran alam sekitar (Mohamad, 2018).

Maka, objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis beberapa hadis berkaitan galakan Baginda SAW untuk menjaga kelestarian alam. Bagi menjayakan tujuan tersebut, penulis mengaplikasikan metode kualitatif dengan pendekatan secara analisis kandungan dengan menghurai dan meneroka secara terperinci hadis-hadis terpilih berkaitan penjagaan alam sekitar. Menerusi penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap gabungan maklumat yang wujud secara tersurat dalam literasi kepustakaan didapati bahawa terdapat pelbagai hadis yang menekankan konsep melestarikan alam. Bahkan Rasulullah SAW turut memotivasikan umatnya untuk menanam pokok bunga untuk mengubah ekosistem menjadi lebih baik, mengelak daripada rawan banjir dan meningkatkan sumber dan kualiti air akibat pencemaran sungai.

2. HADIS PENJAGAAN ALAM SEKITAR

Allah SWT memerintahkan agar hasil sumber bumi perlu diuruskan dengan baik, diagihkan dan dimanfaatkan oleh penduduk sesebuah negeri. Contohnya hasil pertanian, binatang ternakan, buruan, pembalakan, petroleum, galian, emas dan banyak lagi. Ketetapan yang demikian supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya daripada kalangan umat (al-Sa'di, '1988). Allah SWT berfirman dalam surah al-Haşhr [59] ayat 7:

﴿مَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Apa yang Allah SWT kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah SWT, dan bagi Rasulullah SAW, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah SAW), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertakwalah

kamu kepada Allah SWT; sesungguhnya Allah SWT amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).

Di samping pengurusan yang adil, Allah SWT juga melarang merosakkan muka bumi setelah Dia menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya (al-A'raf [7]: 56). Jika manusia menghayati, memahami dan mematuhi perintah Allah SWT dalam memaju dan memakmurkan bumi ini dengan kaedah dan landasan yang sepatutnya, iaitu dengan berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, maka permasalahan dan krisis alam sekitar dapat diminimumkan. Hal ini kerana Islam meletakkan orang yang melakukan kerosakan di atas muka bumi sebagai perbuatan haram dan mungkar sama ada kerosakan itu kerana sengaja, marah, tanpa sebab dan sebagainya. Sekiranya manusia sebagai khalifah menjalankan pembangunan melalui eksploitasi yang keterlaluan terhadap alam sekitar tanpa merujuk kepada al-Quran dan hadis sebagai panduan, sudah pasti akan berlaku kerosakan-kerosakan yang mendatangkan bahaya kepada alam sekitar dan manusia sendiri. Hakikatnya, kemelut atau krisis alam sekitar yang berlaku hasil daripada penerokaan keterlaluan manusia terhadap alam sekitar. Justeru, manusia tercari-cari kaedah dan cara terbaik untuk meminimumkan permasalahan alam sekitar. Rentetan itu, pengurusan alam sekitar yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar berteraskan Islam semakin mendapat perhatian sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa bersesuaian dengan sifat Islam sebagai agama yang syumul. Pendekatan Islam amat praktikal dan bersesuaian dalam meminimumkan kemelut alam sekitar kerana perbendaharaan ilmunya yang sepadu dan holistik serta aspek pelaksanaannya yang praktikal (Rahman, 2019).

Selain daripada ayat al-Quran di atas, penulis turut mendapati beberapa hadis berkaitan galakan Baginda SAW untuk menjaga kelestarian alam, antaranya:

i. Hadis Anas ibn Mālik RA:

Daripada Anas ibn Mālik RA, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ قَامَتِ السَّاعَةُ وَبِيَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا يَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَفْعَلْ

[Aḥmad, *Bāqī Musnad al-Mukaththirīn*, *Musnad Anas ibn Mālik RA*, nombor hadis 12569, Sahih]

Maksudnya:

Daripada Anas ibn Mālik RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Apabila hampir tibanya hari kiamat, sedang pada tangan kalian ada keratan pokok, maka jika dia mampu sebelum kiamat terjadi sehingga dia menanamnya, maka hendaklah dia melakukannya”.”

Begitu penting menjaga kelestarian alam hingga pada akhir zaman pun, perkara ini tidak boleh diabaikan (Gheraout, 2017). Keadaan itu kerana ia adalah sumber terpenting bagi kehidupan manusia sebagai jaminan utama dalam menyumbang bekalan makanan.

ii. Hadis Jābir RA:

Daripada Jābir RA, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا إِلَّا كَانَ مَا أَكَلَ مِنْهُ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا سُرِقَ مِنْهُ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ مِنْهُ فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا أَكَلَتِ الطَّيْرُ فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ وَلَا يَزُرُّهُ أَحَدٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةٌ

[Muslim, *Kitāb al-Masāqah*, *Bāb Faḍl al-Gars wa al-Zar'*, nombor hadis 1552]

Maksudnya:

Daripada Jābir RA telah berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: “Tidaklah seorang Muslim yang bercucuk tanam, kecuali setiap tanamannya yang dimakan pihak lain bernilai sedekah baginya, apa yang dicuri orang daripadanya menjadi sedekah baginya, apa yang dimakan binatang liar menjadi sedekah baginya, apa yang dimakan burung menjadi sedekah baginya, dan tidaklah seseorang mengambil daripadanya, melainkan ia menjadi sedekah baginya.”

Sesuai dengan kedudukannya sebagai sektor yang sangat digalakkan, didapati ada beberapa insentif diperuntukkan dalam Islam bagi penjagaan kelestarian alam, sama ada kebendaan atau kerohanian. Bagi umat Islam, bidang pertanian sebagai contoh adalah antara cara mudah bagi mendapat pahala sedekah dan ganjaran daripada Allah SWT, selain menerima manfaat atau pendapatan halal daripada hasil jualan keluaran pertanian.

iii. Hadis ‘Abdullah ibn Mas‘ūd RA:

Daripada ‘Abdullah ibn Mas‘ūd RA, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ أَبِيهِ قَالَ كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَنْطَلَقَ لِحَاجَتِهِ فَرَأَيْنَا حُمْرَةً مَعَهَا فَرْحَانٍ فَأَخَذْنَا فَرْحَيْهَا فَجَاءَتْ الْحُمْرَةُ فَجَعَلَتْ تُفْرِشُ فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَنْ فَجَعَ هَذِهِ بِوَلَدِهَا رُدُّوا وَلَدَهَا إِلَيْهَا وَرَأَى قَرْيَةً تَمَلُّ قَدْ حَرَّقْنَاهَا فَقَالَ مَنْ حَرَّقَ هَذِهِ فَلْنَا نَحْنُ قَالَ إِنَّهُ لَا يَنْبَغِي أَنْ يُعَذَّبَ بِالنَّارِ إِلَّا رَبُّ النَّارِ

[Abū Dawūd, *Abwāb al-Nawm, Bāb Fī Qatl al-Dhur*, nombor hadis 1552, Sahih]

Maksudnya:

Daripada ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abdullah, daripada ayahnya telah berkata: “Kami pernah bersama Rasulullah SAW dalam suatu perjalanan. Kemudian Baginda SAW pergi (sebentar) untuk sesuatu hajatnya. Tiba-tiba kami melihat seekor burung kecil bersama kedua anaknya. Kami pun menangkap kedua-dua anak burung itu. Lalu burung itu terbang rendah sambil berpusing-pusing. Maka datanglah Nabi SAW dan bersabda, “Siapakah yang telah menyakitkan dan membuat sedih burung ini disebabkan (kehilangan) anaknya? Kembalikanlah anaknya kepadanya!” Kemudian Baginda SAW melihat sarang semut yang telah kami bakar, maka Baginda SAW telah bersabda, “Siapakah yang telah membakar sarang semut ini?” Kami menjawab, “Kami.” Baginda SAW telah bersabda: “Sesungguhnya tidaklah patut menyeksa (mahluk) dengan api kecuali Pencipta api”.

Menerusi hadis ini Rasulullah SAW menegah umatnya untuk tidak mengazab makhluk hidup lainnya atau mana-mana haiwan dengan menggunakan api. Dengan demikian, memelihara alam sekitar dalam kefahaman Islam adalah suatu perkara yang sudah lama sebat. Bahkan ketika dalam peperangan pun iaitu pertempuran antara hidup dan mati, Rasulullah SAW sendiri bersikap tegas antaranya soal larangan memotong atau mencabut tumbuhan, membunuh haiwan sesuka hati (Rahwan, 2016).

Rumusannya, jika dilihat keseluruhan perbincangan berkaitan dengan alam sekitar menurut perspektif hadis, kesemuanya melarang sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar demi menjaga kesejahteraan umat manusia dan secara langsungnya Islam menyokong penuh kesemua statut yang memperuntukkan undang-undang pengawalan dan pencegahan sebarang bentuk pencemaran alam sekitar (Mohamad, 2005). Tambahan pula, kelestarian alam sekitar bukanlah sekadar isu moral atau urusan peribadi yang bersifat cabang (*furū‘*) semata-mata, bahkan ianya adalah urusan agama yang selama ini dipandang sepi oleh kebanyakan umat Islam. Isu kelestarian alam sekitar perlu diletakkan sebagai agenda penting umat Islam yang merangkumi hak dan tanggungjawab secara kolektif demi menjaga keperluan kepentingan asas (*darūriyyāt*) di dalam kerangka fikir *maqāṣid sharī‘ah*.

3. ANALISIS WACANA HADIS TENTANG KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Mutakhir ini, perubahan sistem ekonomi dan sosial pesat menyebabkan minat baharu dalam pengelolaan persekitaran daripada pelbagai jenis kerana peningkatan keprihatinan terhadap alam sekitar. Agenda kelestarian alam sekitar akan membawa lebih banyak faedah dan kestabilan kepada tahap pemulihan negara. Ia didefinisikan sebagai interaksi bertangjawab dengan alam sekitar untuk mengelak pengurangan atau penurunan sumber semula jadi, serta memungkinkan untuk kualiti persekitaran jangka panjang. Amalan kelestarian alam sekitar membantu memastikan keperluan penduduk masa kini dapat dipenuhi tanpa menjejaskan kemampuan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka (Göktaş & Chowdury, 2019).

Pada dasarnya, definisi kelestarian alam sekitar dunia adalah merujuk kepada pembangunan lestari yang juga berkait-rapat dengan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan. Tiada bentuk pertumbuhan ekonomi dapat diteruskan selama-lamanya, jika sumber alam sekitarnya tercemar dan rosak. Dalam konteks sama, kelestarian alam sekitar adalah kadar penuaian sumber yang boleh diperbaharui, pengurangan kadar pencemaran dan penambahan sumber daya yang dapat diperbaharui, serta juga dapat dilanjutkan selama-lamanya. Jika ini tidak dapat diteruskan, kelangsungan kelestarian tidak dapat dilaksanakan (Mohd Hussain, 2021). Daripada sini, penulis menganalisis beberapa hadis terpilih berkaitan penjagaan alam sekitar serta meninjau pandangan semesta (*worldview*) Rasulullah SAW menerusi hadis berkaitan, antaranya:

i. Galakan Rasulullah SAW untuk bercucuk tanam meskipun kiamat menjelang:

Kesempurnaan alam terutamanya di bumi ini diciptakan Allah SWT untuk kemudahan manusia. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-A'raf [7] ayat 57:

﴿وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۗ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ ۗ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

Maksudnya:

Dan Dia lah (Allah SWT) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

Begitu juga dalam surah al-Baqarah [2] ayat 29, al-Mā'idah [5] ayat 96, al-An'ām [6] ayat 6 dan 142, dan banyak lagi yang menggambarkan bahawa alam ini diciptakan untuk kemudahan manusia. Dalam masa yang sama, umat Islam perlu sedar bahawa ciptaan Allah SWT ini cukup untuk kegunaan hidup manusia. Walau seberapa besar populasi manusia di bumi, jika ia diurus dengan baik dan adil maka semua pihak akan mendapatkan haknya (QS. al-Zukhruf [43]: 32).

Ekoran daripada itu, dalam Islam, bercucuk tanam merupakan salah satu daripada pekerjaan yang mulia dan amat digalakkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Banyak hadis daripada Rasulullah SAW yang menyebut tentang peri pentingnya menguruskan tanah pertanian yang terbiar, sebagaimana sabda Baginda SAW berikut:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا فَإِنْ لَمْ يَزْرَعْهَا فَلْيَزْرَعْهَا أَحَاهُ

[Muslim, *Kitāb al-Buyū', Bāb Kirā' al-Ard*, nombor hadis 1536]

Maksudnya:

Daripada Jābir ibn ‘Abdullah telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Sesiapa yang memiliki tanah, hendaknya ditanamnya. Jika dia tidak sanggup menanamnya (sendiri), hendaknya yang menanamnya ialah saudaranya.”

Hadis sahih ini menunjukkan bahawa sesiapa yang memiliki tanah, hendaklah dia bercucuk-tanam padanya ataupun diserahkan tanah itu kepada saudaranya (untuk bercucuk-tanam). Jika merujuk semula hadis yang diriwayatkan oleh Anas ibn Mālik RA sebelum ini, dapat difahami bahawa bagi mereka yang memiliki biji benih dan kebun, diperintahkan untuk menanam agar manfaat dari pokok yang ditanam tersebut dinikmati oleh makhluk lain dan dia akan mendapat pahala yang berterusan selagi tanaman tersebut hidup dan meninggalkan benih. Hadis tersebut juga menggambarkan pentingnya bidang pertanian sehinggalah hampir kiamat pun digalakkan lagi bercucuk tanam oleh Rasulullah SAW. Hal ini menunjukkan bidang ini tidak boleh diabaikan sama sekali kerana ia adalah penyumbang utama kepada kehidupan manusia dan bernilai ibadah.

Hadis-hadis dalam perbincangan sub topik ini juga memberi galakan supaya proses bercucuk tanam itu diteruskan walaupun pada masa itu hari kiamat sedang berlaku. Pohon itu perlu terus ditanam walaupun hari kiamat sudah amat dekat. Kalau dari segi logik akal nya, mustahil si penanam akan beroleh hasil daripada apa yang ditanam itu semasa hidupnya di dunia. Ini kerana dunia yang hampir kiamat itu tentunya akan musnah secara keseluruhan. Dan semestinya pohon tersebut akan turut sama musnah seiring dengan kemusnahan dunia. Namun begitu, arahan agar perbuatan bercucuk tanam itu perlu diteruskan dan semestinya ada ganjaran atas perbuatan tersebut yang akan diberikan di akhirat kelak (Hassan, Nor, Zakaria, & Salaeh, 2021).

ii. Motivasi Rasulullah SAW untuk bercucuk tanam:

Rasulullah SAW memberikan motivasi tinggi kepada umatnya untuk bercucuk tanam dengan ganjaran pahala yang bertali arus. Menurut Yahyā ibn Sharaf al-Nawawī (631/1233-676/1277 AH) atau dikenali sebagai imam al-Nawawī Rahimahullah, hadis-hadis yang menjelaskan kelebihan bercucuk tanam, di mana pahalanya berterusan selagi tanaman itu masih berfungsi dan mengeluarkan hasil sehingga hari kiamat. Dan pada hadis-hadis ini juga menunjukkan bahawa pahala dan ganjarannya pada hari akhirat adalah khusus kepada orang yang beriman. Setiap orang akan diberi pahala kepada harta bendanya yang dicuri, dimakan oleh binatang atau burung dan sebagainya (al-Nawawī, t.th.). Rentetan itu, Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad ibn Nūr al-Dīn ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ḥajar al-‘Asqalānī al-Kinānī (773/1372-852/1449) atau dikenali sebagai Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menambahkan bahawa pahala sedekah ini berterusan selagi mana tanaman atau pertanian itu masih dimakan daripadanya, sekalipun penanam atau petaninya telah meninggal dunia, walaupun tanaman itu bertukar pemilik nya kepada selainnya (al-‘Asqalānī, 2019).

Dengan demikian, pertanian adalah satu sumbangan utama kepada kehidupan manusia. Ia merupakan salah satu tuntutan fardu kifayah yang mesti dilaksanakan dengan penuh yakin. Dengan melaksanakan tuntutan fardu kifayah, bukan sahaja terlaksana tuntutan agama tetapi juga memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan tahap ekonomi negara (Zakaria, Noh, & Hasan, 2020). Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW telah bersabda:

وَعَنْ أَنَسٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَبْعَةٌ يَجْرِي لِلْعَبْدِ أَجْرُهُنَّ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ وَهُوَ فِي قَبْرِهِ : مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا ، أَوْ كَرَى تَهْرًا ، أَوْ حَفَرَ بَيْرًا ، أَوْ عَرَسَ نَخْلًا ، أَوْ بَنَى مَسْجِدًا ، أَوْ وَرَثَ مُصْحَفًا ، أَوْ تَرَكَ وَلَدًا يَسْتَغْفِرُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ.

[al-Haythamī, *Kitāb al-‘Ilm, Bāb Fī Man Sanna Khayran aw Ghayrih aw Da‘ā ilā Hudā*, nombor hadis 769, Daif]

Maksudnya:

Daripada Anas RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Tujuh perkara akan terus mengalir bagi seorang hamba pahalanya selepas kematiannya dan berada dalam kuburnya: sesiapa yang mengajarkan ilmu, mengalirkan air, menggali perigi, menanam pohon kurma, membina masjid, mewariskan mashaf atau meninggalkan anak yang memohonkan ampunan untuknya setelah kematiannya”.

Oleh sebab itu, dalam hadis Rasulullah SAW jelas menunjukkan betapa beratnya perhatian yang telah diberikan oleh Baginda SAW terhadap sektor pertanian. Makanan adalah keperluan asas manusia dan setiap orang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupannya. Ketiadaan bekalan makanan ataupun ketidakmampuan untuk memperolehi makanan yang diperlukan untuk hidup, boleh membawa kepada pelbagai masalah, seperti penyakit, kematian dan sebagainya (Zakaria, Noh, & Hasan, 2020).

Hadis di atas selain menerangkan kelebihan bercucuk tanam atau bertani yang mana apabila hasil tanaman itu dimanfaatkan, pemulanya akan mendapat pahala sedekah. Sudah tentu pahala dan ganjaran sedekah akan dapat dinikmati hasilnya oleh orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat. Dalam erti kata yang lain, hanya orang beriman akan mendapat ganjaran tersebut di hari akhirat. Hadis ini juga turut menggesa umat Islam agar menceburi bidang pertanian agar dapat mengumpulkan pahala sedekah sebanyak-banyaknya. Justeru, selagi mana tanaman itu dimakan daunnya, dipetik buahnya dan dimanfaatkan daripadanya sama ada oleh manusia, bebunting atau binatang, maka selama itulah pahala amalan kebaikan akan diberi kepada penanamnya. Ganjaran tersebut akan berterusan selama mana tanaman itu dimanfaatkan. Hal ini turut memberi penekanan kepada pemuliharaan alam sekitar dan pengkalan ekosistem setempat kerana jika seseorang mahu amalan kebajikannya berterusan, maka perlulah terus bercucuk tanam dan menjaga tanamannya. Di samping itu, mesti menjaga persekitaran agar sentiasa hijau yang mana akan melibatkan penjagaan air, pengurusan bahan buangan dan sebagainya (Hassan, Nor, Zakaria, & Salaeh, 2021).

iii. Tegahan Rasulullah SAW daripada merosakkan komuniti makhluk hidup:

Ketika mengkaji lingkungan alam, didapati ia memiliki kemampuan cukup luar biasa untuk meremajakan dirinya sendiri dan mempertahankan daya maju. Sebagai contoh, apabila pokok tumbang, ia terurai menambahkan nutrien ke dalam tanah. Nutrien ini membantu mengekalkan keadaan sesuai sehingga anak pokok masa depan dapat tumbuh (Mohd Hussain, 2021). Dengan begitu upaya untuk merosakkan ekosistem makhluk hidup adalah ditegah dalam Islam. Malah merosakkan koloni makhluk hidup sebenarnya bercanggah dengan saranan agama agar berlaku ihsan terhadap semua makhluk dalam setiap perkara. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ قَالَ ثِنْتَانِ حَفِظْتُهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ وَلِيُجِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ فَلْيُرِخْ ذَيْبِحَتَهُ

[Muslim, *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā'ih wa mā Yu'kal min al-Ḥayawān, Bāb al-Amr bi Ihsān al-Dhabh wa al-Qatl wa Tahdīd al-Shafrah*, nombor hadis 1955]

Maksudnya:

Daripada Shaddād ibn Aws RA telah berkata: “Ada dua perkara yang aku telah jaga, daripada Rasulullah SAW telah bersabda: “Allah SWT telah menetapkan ihsan pada setiap perkara. Sekiranya kamu membunuh maka perelokkanlah bunuhan tersebut. Sekiranya kamu menyembelih, maka perelokkanlah sembelihan tersebut dan setiap dari kalian perlu menajamkan pisau dan berikan kerehatan pada sembelihan (bagi mengurangkan kesakitan)”.”

Sikap ihsan ini merangkumi penjagaan dan pemeliharaan terhadap tanam-tanaman, sama ada pohon-pohon untuk makanan atau pokok-pokok untuk hiasan. Begitu juga dengan haiwan dan makhluk hidup lainnya. Kesemuanya merupakan hidupan di bumi Allah SWT, dan manusia telah ditaklifkan sebagai khalifah untuk memakmurkan seluruh pelusuk bumi ini. Sebagaimana firman-Nya dalam surah Hūd [11] ayat 61:

﴿وَإِلَىٰ تَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّي عَابِدُونَ هُوَ أَنشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾﴾

Maksudnya:

Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka Nabi Salih AS. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah SWT dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya".

Tidak menghairankan apabila perbincangan mengenai alam sekitar banyak dibincangkan sama ada melalui media massa dan juga media cetak. Selain itu, terdapat pelbagai perbincangan mengenai alam sekitar melewati pelbagai perspektif yang merangkumi aspek teoritikal dan juga praktikal. Ini termasuklah aspek penjagaan alam sekitar. Namun begitu, jika disoroti dengan lebih mendalam, kebanyakan langkah-langkah penjagaan alam sekitar tidak dikaitkan bersama hubungan manusia dengan pencipta-Nya. Kempen-kempen yang dilaksanakan tidak dikaitkan dengan landasan agama yang menekankan tiga aspek penting, iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Dalam mengaplikasikan kehidupan sebagai seorang Muslim, ketiga-tiga hubungan ini perlu diwujudkan dan dipelihara agar tidak terpesong daripada hakikat tujuan penciptaan manusia (Abdul Halim & Mat Akhir, 2016).

Terkandung di dalam pengertian pemuliharaan alam sekitar ialah perlindungan, pembaikan semula dan ia mesti dijelmakan di dalam sistem ekologi atau ekosistem. Hal ini kerana sistem ekologi sebagai sebahagian daripada sistem alam sekitar adalah sebahagian daripada agama Islam, seperti yang dikandung dalam firman Allah SWT di atas yang memerintahkan manusia supaya memakmurkan bumi dan menjaga alam sekitar (Zakaria, Hasan, & Abdullah, 2018). Dalam hadis lainnya, Rasulullah SAW telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ نَمْلَةً قَرَصَتْ نَبِيًّا مِنْ الْأَنْبِيَاءِ فَأَمَرَ بِقَرْيَةِ النَّمْلِ فَأُحْرِقَتْ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ أَلَيْسَ بِأَنْ قَرَصَتْكَ نَمْلَةٌ أَهْلَكَتْ أُمَّةً مِنَ الْأُمَّمِ تُسَبِّحُ

[Muslim, *Kitāb al-Salām, Bāb al-Nahy 'an qatl al-naml*, nombor hadis 2241]

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA, daripada Rasulullah SAW: "Sesungguhnya seekor semut telah menggigit salah seorang Nabi, lalu beliau menghancurkan sarang semut tersebut dan membakarnya, maka Allah SWT mewahyukan kepadanya, {Apakah lantaran seekor semut menggigitmu, lantas kamu membinasakan salah satu kaum (semut) yang sedang bertasbih?}."

Hadis sahih ini membuktikan bahawa terdapat larangan untuk menyiksa dengan menggunakan bara api. Sebagaimana nukilan al-'Asqalānī (2019) terhadap pandangan al-Nawawī ketika mensyarahkan hadis ini:

قال النووي : هذا الحديث محمول على أنه كان جائزا في شرع ذلك النبي جواز قتل النمل وجواز التعذيب بالنار ، فإنه لم يقع عليه العتب في أصل القتل ولا في الإحراق بل في الزيادة على النملة الواحدة ، وأما في شرعنا فلا يجوز إحراق الحيوان بالنار إلا في القصاص بشرطه ، وكذا لا يجوز عندنا قتل النمل لحديث ابن عباس في السنن " أن النبي صلى الله عليه وسلم نهى عن قتل النملة والنحلة " انتهى

al-Nawawī telah berkata, hadis ini membawa maksud dibolehkan membunuh semut bagi syariat nabi tersebut. Begitu juga, dibolehkan membunuh semut dan menyiksa dengan menggunakan api. Maka sesungguhnya tidak berlaku kekerasan ke atasnya pada asal membunuh dan membakar, tetapi membakar lebih dari seekor semut (sarang). Adapun di dalam syariat kita tidak dibolehkan membakar haiwan dengan menggunakan api melainkan dalam masalah Qisas dengan (mencukupi) syarat-syaratnya. Begitu juga, tidak dibolehkan di sisi kami membunuh semut berdasarkan hadis Ibn 'Abbās RA di dalam kitab Sunan bahawa Nabi SAW telah melarang daripada membunuh semut dan lebah. Selesai.

Kegiatan-kegiatan manusia untuk mencapai kemajuan sama ada dalam bidang ekonomi mahupun sosial yang tidak terkawal dan dilaksanakan tanpa memikirkan kemampuan sumber alam akan cenderung berlaku pengabaian. Pengabaian boleh berlaku dalam pelbagai bentuk pelaksanaan kegiatan tersebut, misalnya pengabaian atau pelanggaran peraturan pelaksanaan (tidak mengikuti piawaian kebersihan kawasan penternakan yang kotor), pengabaian terhadap keperluan menghormati hidupan liar (hak haiwan untuk hidup), mengabaikan tuntutan dari segi memakan hidupan liar (misalnya dalam Islam ada haiwan yang halal dan haram untuk dimakan), pemburuan haram, pemburuan di luar musim atau pemburuan secara berlebihan dan banyak lagi bentuk pengabaian. Semua ini akhirnya akan memberi kesan kepada kehidupan manusia misalnya dari segi kesihatan serta kesejahteraan manusia. Bukan sahaja manusia, hidupan lain dalam alam ini juga akan turut terjejas (Sobian, 2021).

4. KESIMPULAN

Dapatan perbincangan melalui perbincangan hadis-hadis terpilih berkaitan penjagaan alam sekitar mendapati terdapat pelbagai hadis yang menekankan konsep melestarikan alam. Bahkan Rasulullah SAW turut memotivasikan umatnya untuk menanam pokok bunga untuk mengubah ekosistem menjadi lebih baik. Kesedaran tentang kepentingan memelihara ekosistem makhluk hidup ini perlu diperkasakan dalam kalangan masyarakat yang kian diancam kemerosotan ekoran daripada sikap alpa dan tidak bertanggungjawab dalam kalangan segelintir umat pada hari ini. Buktinya, saban hari dunia masih lagi didedahkan dengan isu-isu seperti pencerobohan ekosistem hutan, aktiviti pemburuan serta pemerdagangan hidupan liar, dan juga masalah pencemaran sumber air yang tiada kesudahan.

RUJUKAN

- Abdul Halim, I. & Mat Akhir, N. S. (2016). Tafsir Ayat-Ayat al-Quran Berkenaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar di Malaysia. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(1), 91–130. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol18no1.3>.
- al-‘Asqalānī, I. H. (2019.). *Fath al-Bārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 5 & 6. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawī, Y. S. (t.th.). *Ṣaḥīḥ Muslim bi sharḥ al-Nawawī*. Jil. 9. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Qurṭubī, (2006). *Al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur‘ān wa al-Mubayyin limā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyi al-Furqān*. Jil. 16. Beirut: Mu‘assasah al-Rusalah.
- al-Sa‘dī, ‘A. R. (1988). *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Riyadh: Maktabah al-‘Abikān.
- Ghernaout, D. (2017). Environmental principles in the Holy Koran and the Sayings of the Prophet Muhammad. *American Journal of Environmental Protection*, 6(3), 75-79. <https://doi.org/10.11648/j.ajep.20170603.13>.
- Göktaş, V., & Chowdury, S. R. H. (2019). The Role of Sustainable Development Goals on Environmental Sustainability: A Discourse from An Islamic Perspective. *Avrasya Sosyal Ve Ekonomi Araştırmaları Dergisi*, 6(5), 279-295.
- Hassan, S. N. S., Nor, Z. M., Zakaria, N., & Salaeh, A. (2021). Pertanian Menurut Perspektif As-Sunnah: Tinjauan Umum Pemikiran dan Sumbangan Tokoh-Tokoh Ilmuwan Islam. *Journal of Hadith Studies*, 6(2), 92-106. <https://doi.org/10.33102/johs.v6i2.151>.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (2016). *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Aẓīm*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mohamad, A. B. (2005). Undang-undang dan pengurusan alam sekitar menurut Islam. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 6, 107-124.
- Mohamad, A. B. (2018). Konsep hima dalam Islam dan hubungannya dengan pemeliharaan alam sekitar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1), 59-65.
- Mohd Hussain, M. R. (2021, Julai 23). Kelestarian alam sekitar petunjuk kestabilan ekonomi. *BH Online*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/07/842264/kelestarian-alam-sekitar-petunjuk-kestabilan-ekonomi>
- Nasir, N. M., Nair, M. S., & Ahmed, P. K. (2021). Institutional isomorphism and environmental sustainability: a new framework from the Shariah perspective. *Environment, Development and Sustainability*, 23(9), 13555-13568. <https://doi.org/10.1007/s10668-021-01227-0>.
- Rahman, H. A. (2019). Kesyumulan Islam dalam Aspek Pemeliharaan Alam Sekitar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue, 353-365.



Published biannually by:
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 26 (December 2023)

- Rahwan, R. (2016). Membangun Fiqh Ekologi Berbasis Masalah. *LISAN AL-HAL: Jurnal Pengembangan Pemikiran Dan Kebudayaan*, 10(1), 145-162. <https://doi.org/10.35316/lisanalhal.v10i1.110>.
- Sobian, A. (2021). Pandemi Covid-19 dan Pengabaian Manusia terhadap Alam Sekitar: Ulasan Islami. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 58-70.
- Sungit, F., Mokhtar, R., & Mohamad Som, H. (2021). Kelestarian Alam Sekitar dan Pemeliharaannya Menurut Maqasid Syariah. *International Conference on Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference* (pp. 678-692). Bangi: KUIS.
- Usman, A. H. (2018). *Amalan Budaya Seharian Dalam Masyarakat: Penilaian Semula Menurut Perspektif Hadis*. Bandar Seri Putra, Selangor: Penerbit Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD).
- Zakaria, M. B., Hasan, J., & Abdullah, W. I. W. (2018). Sumber Perundangan Pembangunan Tanah Pertanian Menurut Perspektif Islam: Dasar Pertanian Negara (DPN). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19(1), 33-48.
- Zakaria, M. B., Noh, N. C., & Hasan, J. (2020). Kelestarian pertanian dalam Islam. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 1-11.